

MOTOR

Sijil Kenderaan Perdagangan

Jenis Perlindungan

Mana-mana yang berikut boleh diterima pakai:

- Komprehensif : Seksyen A & B dalam Sijil ini diterima pakai
- Pihak Ketiga Sahaja : Hanya Seksyen B diterima pakai.

Ini adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa menambah perlindungan liabiliti penumpang kepada Takaful Motor anda.

Semua kemalangan hendaklah dilaporkan kepada pihak Polis dalam tempoh 24 jam

Dokumen Penting – Sila Simpan di tempat yang selamat

Ini Sijil anda. Sila baca dengan teliti dan simpan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Sijil ini di tempat yang selamat supaya mudah dirujuk apabila perlu.

Important Documents – Please keep in a safe place

This is your Certificate. Please read it carefully and keep it in a safe place with all other documents concerning to this Certificate for easy reference in the future.

SEMUA PENGENDORSAN, FASAL ATAU WARANTI YANG DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN PADA SIJIL INI JUGA DITERIMA PAKAI.

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti **Anda** bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar **Sumbangan** mereka berdasarkan **Tabarru'** (derma) kepada **Dana Takaful Am (Dana)** yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada **Dana** tersebut berdasarkan konsep **Tabarru'**.

Sebagai Pengendali Takaful, **Kami** bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan **Sumbangan**. **Kami** juga bertanggungjawab untuk melaburkan **Dana** dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam **Dana**. **Dana** ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan **Tabarru'** diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara **Anda** dan **Kami** ditadbir oleh kontrak **Wakalah** (perwakilan).

Lebih dari **Dana** akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk **Sijil** tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah **Kami**. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada **Kami** kerana mengendalikan dan menguruskan **Dana**, berdasarkan kontrak **Ju'alah** (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana **Sijil** mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada **Dana** tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya **Dana** tersebut masih defisit, **Qard** (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. **Qard** akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula **Qard**. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), **Kami** akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah **Kami** untuk tujuan kebajikan.

Pemohonan **Anda** untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah **Kami** terima berdasarkan permohonan yang **Anda** telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada **Kami**. Sekiranya **Anda** tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan **Kami** adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang **Anda** berikan kepada **Kami**. Sebagai Peserta, **Anda** akan menerima perlindungan takaful untuk kemalangan atau sekiranya berlaku kematian dan insiden seperti yang dinyatakan dalam Jadual yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak takaful **Anda** terdiri daripada Borang Permohonan, **Sijil** ini dan Jadual. **Anda** harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang **Anda** perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada **Kami** supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

Terima kasih kerana memilih skim takaful yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad ini.

Ketua Pegawai Eksekutif

PERJANJIAN KITA

Kontrak Takaful Komersial (Takaful bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion).

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari sumbangan yang ditentukan dalam **Jadual Sijil** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara **Anda** dan pihak **Kami**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda**.

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

SEKSYEN A - KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:

- berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
- berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- kebakaran, letupan atau kilat,
- pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian,
- perbuatan niat jahat,
- semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - jalanraya rel laluan air pedalaman
 - laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung

2. Asas Penyelesaian

- Kami** akan, mengikut pilihan **Kami**:
 - membayar kos memperbaiki Kenderaan **Anda**, atau
 - membayar secara tunai, amaun kerugian atau kerosakan Kenderaan **Anda**, atau
 - membayar pulih atau mengganti Kenderaan **Anda**
- Jumlah maksimum yang akan **Kami** bayar ialah nilai pasaran Kenderaan **Anda** pada masa kerugian, atau jumlah dilindungi dalam **Sijil**, mengikut yang mana lebih rendah.
- Sekiranya Kenderaan **Anda**, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, dilindungi pada jumlah kurang daripada nilai pasarnya,

maka **Anda** hendaklah dianggap sebagai penanggung takaful sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang dilindungi sebanyak 10% atau lebih.

- d) Nilai pasaran Kenderaan **Anda** akan ditentukan sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan **Anda** pada masa kerugian.
- e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan **Anda**, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh **Anda** dan **Kami**.
- f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan **Anda** untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap **Kami**.
- g) Jumlah maksimum yang akan **Kami** bayar bagi kos pembaikan terhadap Kenderaan **Anda** adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan **Anda** kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang sehampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, **Anda** akan menanggung bahagian 'betterment' atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:

Umur Kenderaan/Tahun	Kadar untuk 'Betterment' (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan **Umur Kenderaan**:

Kategori Kenderaan	Asas dalam menentukan Umur Kenderaan
Kenderaan Baru	Tarikh Pendaftaran
Kenderaan tempatan terpakai/ telah digunakan	Tarikh Pendaftaran Asal
Kenderaan Import terpakai/ telah digunakan	Tahun Buatan

3. Pengangkutan Kenderaan Yang Rosak

Kami akan membayar **Anda** sehingga maksimum RM200.00 sebagai Upah Tunda untuk membawa Kenderaan **Anda**, sama ada ke **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan** yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk dihantar pulang ke alamat **Anda** seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan **Anda** diakibatkan oleh keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini.

4. Pengecualian kepada Seksyen A Kami TIDAK akan membayar bagi

- a) segala kerugian turutan
- b) kehilangan kegunaan Kenderaan **Anda**
- c) susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya manamana bahagian Kenderaan **Anda** kecuali pecahnya cermin hadapan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada
- d) kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat
- e) kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas Kenderaan **Anda**
- f) kerosakan pada tayar Kenderaan **Anda**, kecuali Kenderaan **Anda** rosak pada masa yang sama
- g) apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu/ pecah amanah jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu/pecah amanah jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan
- h) lebihan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual
- i) kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul atau untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

SEKSYEN B: LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Kami akan melindungi Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa untuk suatu amaun yang Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:

- a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B
- b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan **Anda** dengan syarat pemandu yang **Anda** beri kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat sijil seperti yang dikenakan ke atas **Anda**.

2. Had Liabiliti Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** di bawah Seksyen B1 (a) adalah tidak terhad

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** di bawah Seksyen B1(b) adalah terhad kepada RM3 juta

berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa

3. Menunda Kenderaan Yang Rosak

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B(1)(a) dan Seksyen B(1)(b) jika Kenderaan **Anda** digunakan untuk menunda mana-mana Kenderaan Bermotor yang rosak. Dengan syarat:

- a) kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran.
- b) **Kami** tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang di tunda atau harta yang dibawanya.

4. Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Sijil ini, **Kami** akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat sijil.

5. Kos Undang-Undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis **Kami** telah diperolehi terlebih dahulu.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN B

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemungghahan ke atas dan daripada Kenderaan **Anda**.
- kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan **Anda** atau **pemandu yang Anda beri kuasa**.
- kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan **Anda** (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan **Anda** dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** dan/atau **pemandu yang Anda beri kuasa** dan/atau majikannya).
- kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** dan/atau **pemandu yang Anda beri kuasa** dan/atau mana-mana ahli keluarga **Anda** dan/atau **pemandu yang Anda beri kuasa**.
- kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat Kenderaan **Anda** atau muatan yang dibawa oleh Kenderaan **Anda**.
- kerosakan harta yang disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan **Anda**.
- kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan **Anda** kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.
- apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.
- semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada **Sijil Anda** dan dengan syarat Kenderaan **Anda** dilindungi dengan **Kami** untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, **Anda** layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Sijil **Anda** seperti berikut:

Tempoh Takaful	Diskaun
▪ Selepas tahun pertama takaful	15%
▪ Selepas tahun kedua takaful	20%
▪ Selepas tiga tahun atau lebih takaful	25%

Jika **Kami** bersetuju memindahkan kepentingan dalam **Sijil** ini, tempoh kepentingan di atas nama **Anda** tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu.

Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Sijil yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAKTUNTUT BALIK

- Hak **Anda** atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
- Walau bagaimanapun, sekiranya **Kami** dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya **Kami** tidak ada liabiliti untuk membayar, **Anda** hendaklah membayar balik kepada **Kami** wang yang telah **Kami** bayar itu.
- Sekiranya tuntutan Kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga juga telah dibuat, **Anda** dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada **Kami** apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada **Anda**, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian **Kami** berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

PENGECUALIAN AM – DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN SIJIL

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:-

- Jika **Anda** atau mana-mana orang yang **Anda** beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya **Anda** atau mana-mana orang yang **Anda** beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan **Anda** di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
- Jika **Anda** atau pemandu yang **Anda** beri kuasa memandu Kenderaan **Anda** di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan **Anda**.
- Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan **Anda** yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukkan di bawah Had Penggunaan oleh **Anda** atau oleh orang lain dengan persetujuan **Anda**.
 - Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan **Anda**, berhubung dengan indemniti yang diperuntukkan di bawah Sijil ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan **Anda** atau dengan kebenaran **Anda**.

4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan **Anda** digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan **Anda** ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan **Anda** dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan **Anda** akan dikecualikan daripada perlindungan Sijil ini.
8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau tertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut **Kami** tidak ada liabiliti.
10.
 - a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada manamana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan.
 - b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.
12. Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit.
13. Pengecualian Siber dan Data:
Meskipun terdapat peruntukan yang bertentangan dalam Sijil ini atau apa jua pengendorsan padanya, Sijil ini mengecualikan sebarang:
 - a) Kerugian Siber;
 - b) Kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, disebabkan dari atau berkaitan dengan sebarang kehilangan penggunaan, pengurangan kegunaan, pembaikan, penggantian, pemulihan atau penghasilan semula sebarang Data, termasuk apa jua jumlah yang berkaitan dengan nilai Data tersebut; tidak kira jika terdapat sebarang sebab lain atau perkara yang menyumbang secara serentak atau sebarang turutan lain yang sama padanya.

Sekiranya terdapat sebahagian daripada pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian yang lain akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya.

Pengendorsan ini akan dikira pakai sekiranya terdapat konflik dengan apa-apa jua perkataan lain di dalam Sijil atau pengendorsan lain padanya yang mempunyai kesan ke atas Kerugian Siber atau Data, dan Pengendorsan ini akan menggantikan perkataan tersebut.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Sijil bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Sijil di bawah tajuk 'Perundangan', semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

SYARAT – DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN SIJIL

1. Kewajipan Pendedahan

Kontrak Takaful Komersial

Apabila **Anda** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan

- a) **Kami** mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan dibawah Sijil ini:
 - i). Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - ii). Dalam tempoh tigapuluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika **Anda** dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - iii). Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh **Anda**.
- b) Sekiranya kenderaan **Anda** dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, **Anda** boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada **Kami**. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak akan terjejas sekiranya **Kami** memutuskan **Anda** tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara **Kami** sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu dilindungi, boleh dikenal pasti

dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teks, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan kenderaan yang dilindungi oleh bukan Penanggung Takaful Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.

- c) Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada **Kami** serta-merta. **Anda** juga mesti tanpa berlengah memberitahu **Kami** sekiranya **Anda** tahu apa-apa pendakwaan, inkuies atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Sijil ini, **Anda** mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan **Kami** dalam memastikan sabitan pesalah.
- e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami** terlebih dahulu.
- f) **Kami** mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- g) Pembaikan Kenderaan **Anda** tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada **Kami** terlebih dahulu.
- h) Sekiranya Kenderaan **Anda** terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan **Anda** mesti dibawa ke **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan** untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan **Anda** ke **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan** adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan **Kami** berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Sijil ini.
- i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Sijil ini, **Kami** boleh membayar **Anda** amaun sepenuh liabiliti **Kami** mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan **Kami** tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan **Anda** alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah **Kami** lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana **Kami** telah melepaskan pengendalian berkenaan begitu juga **Kami** tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang **Anda** tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas **Kami** melepaskan pengendalian berkenaan.

3. Pembatalan

- a) **Anda** boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberitahu **Kami** secara bertulis.
- b) **Kami** juga boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi **Anda** notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat **Anda** yang terakhir.
- c) **Anda** hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil takaful asal kepada **Kami** atau, menyediakan untuk **Kami** satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda**.
- d) Sekiranya pembatalan diminta oleh **Anda** (dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa Tempoh Takaful semasa), **Anda** berhak mendapat sumbangan bayaran balik pro-rata untuk tempoh belum tamat yang dikira dari tarikh penerimaan Sijil oleh **Kami** atau akuan berkanun sekiranya Sijil hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda** tertakluk kepada potongan RM10.00 sebagai potongan yuran pembatalan.
- e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh **Kami**, **Anda** layak mendapat bayaran balik sumbangan secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda**.
- f) Tiada bayaran balik sumbangan bagi sebarang pembatalan sijil sekiranya sumbangan yang dikenakan adalah sumbangan minimum.

4. Takaful / Insurans Lain

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada **Kami** jika **Anda** mempunyai apa-apa takaful lain yang melindungi Kenderaan **Anda**. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Sijil ini, terdapat sebarang sijil lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, **Kami** akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan **Kami** apa-apa liabiliti yang **Kami** tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. Subrogasi

Sekiranya perlu, **Kami** berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan **Kami** sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama **Anda** atau mendakwa atas nama **Anda** untuk kepentingan **Kami** manamana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan **Kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan **Anda** hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang **Kami** perlukan.

6. Fasal Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada Sijil ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Sekiranya **Anda** dan **Kami** tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh **Kami** bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan **Kami** kepada **Anda**.

7. Hal Lain

Sijil ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) **Anda** telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan **Anda** supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) **Anda** telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan **Anda** daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa Kenderaan **Anda** pada bila-bila masa yang wajar.

8. Pengagihan Lebihan (Surplus)

Peserta bersetuju untuk menyertai skim Takaful Am ini berdasarkan prinsip Takaful dan membayar sumbangan atas dasar Tabarru' (derma) bagi tujuan membantu peserta lain yang telah mengalami tragedi dan dengan syarat ini, Peserta berhak mendapat perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat kontrak Takaful ini.

Peserta selanjutnya bersetuju bahawa sumbangan Peserta dikreditkan ke dalam Dana Takaful Am (Dana) dan melantik Etiqa General Takaful Berhad (EGTB) untuk melabur dan mengurus Dana mengikut prinsip Syariah. Peserta juga membenarkan EGTB membuat pembayaran tuntutan/manfaat Takaful, Takaful Semula, peruntukan dan mewujudkan rizab berdasarkan garis panduan dan dasar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, dan EGTB dibayar Fi Wakalah berdasarkan kadar berikut:

Komisen (maksimum) : 10% daripada Caruman

Perbelanjaan Pengurusan (maksimum) : 20% daripada Caruman

Pada akhir setiap tahun kewangan, Dana mengira jumlah daripada perbezaan antara caruman dan pendapatan lain, dan Fi Wakalah, pembayaran faedah, Takaful Semula dan peruntukan untuk rizab berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Jika jumlah yang dikira adalah lebihan dan bukan defisit, 10% daripada lebihan yang dikira disimpan oleh Dana untuk memastikan daya maju jangka panjangnya dan selebihnya (90% daripada lebihan yang dikira) dianggap sebagai lebihan yang boleh diagihkan. 10% daripada lebihan yang dikira tertakluk kepada semakan setiap tahun.

Peserta bersetuju bahawa EGTB akan menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan sebagai insentif kerana bertanggungjawab dalam

mengendalikan dan mengurus Dana berdasarkan kontrak Ju'alah, manakala baki 50% akan dikhaskan untuk diagihkan antara peserta tertakluk kepada terma kontrak ini.

Lebih hanya akan dibayar kepada Peserta yang belum membatalkan Sijil mereka atau membuat sebarang tuntutan sebelum tarikh luput Sijil mereka. Peserta selanjutnya bersetuju bahawa jika lebih kurang daripada RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh), lebihan tersebut akan dikreditkan ke dalam dana amal yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak Peserta.

9. Pengesahan Penyakit Mudah Jangkit:

- a. Sijil ini, tertakluk kepada semua terma, syarat dan pengecualian yang berkaitan, melindungi kerugian yang berpunca dari kehilangan fizikal terus atau kerosakan fizikal yang berlaku semasa tempoh dilindungi. Oleh itu walaupun terdapat peruntukan lain yang bertentangan dalam sijil ini, sijil ini tidak akan melindungi sebarang kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan, secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, menyumbang kepada atau berkaitan dengan (tanpa menghiraukan sama ada ia terjadi serentak atau dalam apa sahaja turutan) sesuatu Penyakit Mudah Jangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Mudah Jangkit.
- b. Bagi tujuan pengesahan ini, kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan termasuk, dan tidak terhad kepada, kos pembersihan, detoksifikasi, menyahkan, pengawasan atau ujian:
 - i. untuk sesuatu Penyakit Mudah Jangkit, atau
 - ii. sebarang harta yang dilindungi di bawah ini yang terjejas akibat Penyakit Berjangkit sedemikian.

10. Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. **Kami** akan memaklumkan **Anda** secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM SIJIL

1. **Kami** merujuk kepada Etiqa General Takaful Berhad.
2. **Anda** merujuk kepada Peserta dan/atau Pihak Dilindungi.
3. **Kenderaan Anda** merujuk kepada kenderaan itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil.
4. **Aksesori** merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor termasuk penyaman udara dan tayar ganti dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam Jadual.
5. **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan**
Ini merujuk kepada mana-mana yang berikut:
 - a. Bengkel membaiki kereta yang dimana panel membaiki kereta yang diluluskan **Kami**;
 - (i) Kami akan memastikan terdapat bilangan panel bengkel **Kami** yang mencukupi untuk menyediakan akses yang sesuai dan mudah kepada **Anda**;
 - (ii) Jika tiada panel bengkel yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku sesuatu **Insiden**, **Kami** boleh mengikut budi bicara **Kami** memilih untuk sama ada:
 - membantu **Anda** mengakses bengkel terdekat di panel **Kami** dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos kepada **Anda**; atau
 - membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), seperti yang ditentukan oleh **Kami**.
 - atau
 - b. Mana-mana bengkel kereta yang **Kami** beri kelulusan khas untuk digunakan. Keadaan di mana kelulusan khas boleh diberikan oleh Kami termasuk:
 - (i) Tiada **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan** dinyatakan di dalam (a) diatas tersedia di lokasi **Kereta Anda**, dan **Kami** tidak dapat membantu **Anda** untuk mengakses bengkel terdekat dalam panel **Kami** atau bengkel terdekat yang berdaftar dengan JPJ;
 - (ii) Kerja membaiki yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaik kereta yang khusus yang tidak disediakan oleh **Bengkel Pembaikan yang Diluluskan**; dan
 - (iii) bengkel francais.
6. **Ahli keluarga Anda** merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat(yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
7. **Penipuan** seperti yang didefinisikan di dalam kanun Kesiksaan adalah seperti yang berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:-
 - (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa manamana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau
 - (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apaapa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta manamana orang, adalah dikatakan "menipu".
8. **Pengesahan Penyakit Mudah Jangkit**
Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:
 - a. bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
 - b. cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - c. penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

9. Pecah Amanah Jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".

10. Pengecualian Siber dan Data

Kerugian Siber bermaksud kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, disebabkan dari atau berkaitan dengan apa jua Perbuatan/Tindakan Siber atau Kejadian Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan yang diambil untuk mengawal, menghalang, menyekat atau memulihkan sebarang Perbuatan/Tindakan Siber atau Kejadian Siber.

Tindakan Siber bermaksud tindakan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau jenayah atau siri kaitan tindakan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau tindakan jenayah, tidak mencaragira masa tau tempat, atau ancaman atau tipu helah sedemikian yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer.

Kejadian Siber bermaksud:

- Kesilapan atau kegagalan atau siri kesilapan atau kegagalan berkaitan yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer; atau
- Ketidaksediaan separa atau sepenuhnya atau siri ketidaksediaan separa atau sepenuhnya berkaitan atau kegagalan untuk mencapai, memproses, mengguna atau mengendali sebarang Sistem Komputer.

Sistem Komputer bermaksud:-

Sebarang komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, alat elektronik (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, telefon pintar, komputer riba, komputer tablet, alat sesuai dipakai), pelayan, pengkomputeran awan atau mikropengawal termasuk apa sahaja sistem yang serupa atau konfigurasi yang disebut terdahulu dan termasuk apa sahaja input, output, alat penyimpanan data, peralatan perangkaan atau kemudahan sandar berhubung, yang dimiliki atau dikendalikan oleh Peserta atau mana-mana pihak lain.

Data bermaksud maklumat, fakta, konsep, kod atau sebarang maklumat lain yang disimpan atau dihantar dalam sesuatu bentuk untuk digunakan, dicapai, diproses, dihantar atau disimpan oleh sebuah Sistem Komputer.

11. Takrif perbuatan ganas bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan sepertinya termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

12. Kawasan geografi: Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

13. Perundangan: Akta Pengangkutan Jalan, 1987 (Malaysia) Akta Kenderaan Bermotor (Risiko dan Pampasan Pihak Ketiga) (Bab 189) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor Republik Singapura (Risiko dan Pampasan Pihak Ketiga) 1960 (Republik Singapura) Takaful Kenderaan Bermotor (Akta Negara Brunei Darussalam) (Rujukan Undang-undang Negara Brunei Darussalam) di bawah tajuk "Mengelakkan Terma dan Hak Pemulihan Tertentu" adalah terhad kepada Seksyen 94, 95 dan 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Malaysia) Seksyen 7, 8 dan 9 Akta Kenderaan Bermotor (Risiko dan Pampasan Pihak Ketiga) (Bab 189) Republik Singapura dan Seksyen 7 Akta Takaful Bermotor (Risiko Pihak Ketiga) dan Seksyen 7 Akta Takaful Kenderaan 90) Negara Brunei Darussalam.

14. Pemandu Dibenarkan: Seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

15. Had Penggunaan: Seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

16. Dana Takaful Am (Dana): Bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru" daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

17. Ju'alah: Bermaksud kontrak ganjaran di mana salah satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada sesiapa yang mencapai sesuatu objektif dalam tempoh yang ditetapkan ataupun tidak ditetapkan. Berkaitan dengan **Sijil** ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada **Kami** yang dipersetujui terlebih dahulu oleh **Anda** dan Kami bagi pengurusan **Dana** yang baik.

18. Qard: Dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh **Kami** kepada **Dana** Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian **Kami**. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada **Dana** Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

19. Tabarru': Bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

20. Wakalah: Adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks **Sijil** ini, ia bermaksud **Anda** telah melantik **Kami** untuk melabur dan menguruskan **Dana** Takaful Am bagi pihak **Anda**. **Anda** juga memberikan kuasa kepada **Kami** untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh **Kami**. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, **Kami** akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap **Anda**.

ENDORSMEN

Endorsmen ini tidak terpakai melainkan ia dinyatakan dalam Jadual atau dilampirkan padanya.

ENDORSMEN 1 LEBIHAN SEMUA TUNTUTAN

Anda bertanggungjawab bagi amaun yang pertama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **Kami** dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah*Seksyen A / **Seksyen A1 (e) & 1(f) Sijil ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai. Jika perbelanjaan

ditanggung oleh **Kami** itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab **Anda**, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

*Nota: * Untuk Sijil Komprehensif*

*** Untuk Sijil Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.*

N.B. : Amaun Lebihan yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi Sijil ini.

ENDORSMEN 3(p) PIHAK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam Sijil ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA). Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN **ANDA**) dibatalkan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 3 (q) PIHAK KETIGA KEBAKARAN DAN KECURIAN

Perlindungan dalam Sijil ini dihadkan kepada Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian sahaja. Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN **ANDA**) Sijil ini akan melindungi Anda jika kenderaan **Anda** rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 15 SEWA BELI

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa syarikat beli sewa yang dinyatakan dalam Jadual Sijil ini (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan **Anda** di bawah satu Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan **Anda**. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan **Anda** (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Sijil ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan **Anda**. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada **Kami** atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Sijil ini dikeluarkan kepada **Anda** sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh **Anda** kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan **Anda** di bawah Sijil ini. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah Sijil ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

PENGENDORSAN 15(a) PINJAMAN MAJIKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Majikan **Anda** (seperti yang dinyatakan di dalam Jadual) mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada **Anda** melalui Sijil ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan **Anda** (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada Majikan **Anda** (seperti yang dinyatakan di dalam Jadual) sehingga notis diberikan kepada **Kami** bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan **Anda**, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti **Kami** berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian. Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti **Kami/Anda** di bawah Sijil ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 19 RISIKO PENUMPANG

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Sijil ini dibatalkan. Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada bilangan orang (selain daripada atendan/konduktor jika ada dan pemandu) **Anda** hendaklah membayar semula **Kami** perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh **Kami**. Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

PENGENDORSAN 25 MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa perkataan/perkataan "mogok, rusuhan dan kekecohan awam" dalam Pengecualian Am 4 Sijil ini tidak akan diterima pakai kepada manamana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung oleh

1. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) atau tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membentaras atau percubaan untuk membentaras mana-mana gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat gangguan sedemikian.
2. perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada suatu mogok atau sebagai tentangan kepada suatu sekat-masuk atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah disisi undangundang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan sedemikian.

Dengan syarat bahawa indemniti yang diberikan dengan sebab Pengendorsan ini tidak akan diterima pakai bagi mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti (melainkan setakat yang perlu bagi memenuhi kehendak Perundangan) secara langsung atau tidak langsung secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh, yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan:

- a. peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), peperangan sivil
- b. dahagi, kekecohan awam yang hampir mencapai atau mencapai takat kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi tentera, rampasan kuasa pihak tentera atau mana-mana perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang dihalakan bagi menumbangkan kerajaan de jure atau de facto atau dengan pengaruh keganasan atau kekerasan terhadapnya atau melalui akibat secara langsung atau tidak langsung mana-mana satu daripada kejadian tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, **Anda** hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau yang boleh dikesan kepada kejadian-kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan, **Kami** tidak akan menanggung mana-mana bayaran yang berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 30 PENGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan **Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau jika **Kami** menjalankan opsyen **Kami** untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti **Kami** bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah

- a. harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud

katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara) dan

- b. kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 38 KREN BERGERAK

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan Kenderaan Bermotor seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil **Kami** tidak akan bertanggungjawab:

- a) Di bawah Seksyen A Sijil ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian.
- b) Di bawah Seksyen B Sijil ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas **Anda** yang timbul dari operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari kenderaan atau yang dipasang dengannya.

N.B.1 Gugurkan perenggan (a) untuk:-

- i). Sijil Pihak Ketiga

- ii). Sijil Komprehensif yang mana sumbangan tambahan telah dibayar untuk memasukkan kerosakan yang disebabkan terbalik.

N.B.2 Di mana pengurangan sumbangan adalah dibenarkan untuk pengecualian kerosakan yang mana ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (a) perkataan "yang disebabkan oleh terbalik" dan "kecuali untuk kehilangan dan kecurian".

N.B.3 Di mana tambahan sumbangan telah pun dibayar untuk kemasukan Risiko Pihak Ketiga semasa ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (b) untuk Sijil Komprehensif dan untuk Sijil Pihak Ketiga gugurkan Pengendorsan keseluruhannya.

ENDORSMEN 38A PERLUASAN PERLINDUNGAN KEROSAKAN TIDAK SENGAJA KEPADA BUM

Sebagai balasan pembayaran sumbangan tambahan oleh **Anda** kepada **Kami**, yang berikut dianggap dilindungi di bawah Seksyen A Sijil ini:- "Kerosakan yang Tidak Sengaja dan Tidak Dijangka kepada Bum Kren tersebut semasa di dalam penggunaannya sebagai sebahagian alatan perniagaan." **Kami** TIDAK akan membayar kerosakan kepada Bum:-

- a) disebabkan oleh kerosakan mekanikal
- b) disebabkan oleh haus dan lusuh

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 39 - PENGECEUALIAN RISIKO KERJA PIHAK KETIGA

Kami bersetuju bahawa di bawah Seksyen B Sijil ini, **Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh **Anda** yang timbul daripada pengendalian alat Kenderaan Bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 57 MEMASUKKAN PERIL KHAS

Sebagai balasan bagi bayaran sumbangan tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, Seksyen A Sijil ini melindungi **Anda** daripada peril berikut:- Banjir, Taufan, Hurikan, Ribut, Ribut Kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penurunan atau Penenggelaman Tanah ataupun Konvulsi semulajadi lain.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 89 PEMECAHAN KACA CERMIN DEPAN/BELAKANG, TINGKAP ATAU TINGKAP BUMBUNG

Sebagai balasan bagi bayaran sumbangan tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, **Kami** akan membayar kos mengganti atau memperbaiki kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada, Kenderaan **Anda** akibat pecahnya kaca tersebut sehingga suatu amaun tidak melebihi (seperti yang dinyatakan dalam Jadual)

Dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk kerosakan selanjutnya terhadap Kenderaan **Anda**, mana-mana tuntutan yang dibuat dibawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan **Anda** tidak bertanggung keatas mana-mana Lebihan yang dinyatakan dalam Sijil. Apabila tuntutan penggantian kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung diselesaikan manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali perlindungan dikembalikan semula dengan suatu bayaran sumbangan tambahan lanjutan.

Anda bagaimanapun, sentiasa tertakluk kepada persetujuan **Kami** sama ada diperolehi sebelum atau selepas pembaikan, mempunyai pilihan untuk memperbaiki kerosakan kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung pada Kenderaan **Anda**. Sekiranya **Anda** memilih untuk memperbaiki, **Kami** akan terus menyediakan manfaat ini kepada **Anda** semasa tempoh perlindungan ini bagi amaun seperti yang dinyatakan di atas:-

- a) Selepas ditolak apa-apa tuntutan yang dibayar oleh **Kami** bagi tujuan memperbaiki; atau
- b) Bagi jumlah asal dengan syarat **Anda** telah membayar kepada **Kami** suatu sumbangan tambahan lanjutan bagi mengembalikan jumlah asal perlindungan.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada pertikaian terhadap pilihan pembaikan atau penggantian, keputusan **Kami** adalah muktamad.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 95 PENGENDORSAN PAJAKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:

- a) (Seperti dalam Jadual Sijil) (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Kenderaan **Anda** merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajak yang dibuat antara Pemberi Pajak dan **Anda** Sendiri di suatu pihak yang lain.
- b) Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak **Kami** kepada **Anda** di bawah Seksyen A Sijil ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik Kenderaan **Anda** dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada **Kami** berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
- c) Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajakan tersebut Sijil ini adalah dikeluarkan kepada **Anda** sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah Sijil ini.
- d) Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletakkan sebarang hak ke atas Pemilik/Pemberi Pajak untuk mendakwa **Kami** atas apa sifat jua pun bagi kemungkinan obligasi-obligasi **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 97 PENGENDORSAN EKSESORI KENDERAAN

Sebagai balasan bagi pembayaran sumbangan tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, eksekusi-eksekusi yang berikut adalah dilindungi secara berasingan di bawah Seksyen A:

Butir-Butir

Seperti dinyatakan di dalam Jadual

Nilai anggaran Anda

Seperti dinyatakan di dalam Jadual

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** dan **Anda** tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Sijil. Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu sumbangan tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSEMENT 97A PERALATAN PENUKARAN GAS DAN TANGKI

Sebagai balasan bagi bayaran sumbangan tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, peralatan penukaran gas dan tangki ini adalah dilindungi secara berasingan di bawah Seksyen A:

Nilai anggaran Anda

Seperti dinyatakan di dalam Jadual

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** dan **Anda** tidak bertanggung ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Sijil. Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu sumbangan tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 109 PELUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI ANTARA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kami akan melindungi **Anda** di bawah Seksyen A Sijil ini, jika Kenderaan **Anda** rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah peluasan ini, **Anda** bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Dilindungi atau RM500 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada Lebihan yang dinyatakan di dalam Jadual.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

ENDORSMEN 112 PAMPASAN UNTUK MASA PEMBAIKAN TAKSIRAN (CART)

Sebagai balasan bagi bayaran sumbangan tambahan daripada **Anda** kepada **Kami**, **Kami** akan membayar pampasan pada kadar (sepertimana tercatat di dalam Jadual) sehari sehingga (sepertimana tercatat di dalam Jadual) hari atau bilangan hari taksiran yang diperlukan untuk pembaikan sesuatu Kenderaan Bermotor yang mana kurang berikutan kerugian, kerosakan yang dilindungi dibawah Seksyen A Sijil ini. Pengendorsan ini tidak tertakluk kepada apa-apa Lebihan. Pampasan ini tidak akan dibayar jika kerugian dan kerosakan hanya melibatkan pecahnya mana-mana kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung Kenderaan **Anda**.

Dengan syarat:

- manfaat ini hendaklah dibayar berdasarkan taksiran penyelaras kerugian bagi masa sebenar yang diperlukan untuk pembaikan tetapi tidak termasuk sebarang kelewatan yang disebabkan dalam apa pun keadaan samada tuntutan untuk kerugian atau kerosakan kepada Kenderaan **Anda** dilindungi di bawah Seksyen A dituntut dari **Kami** atau terhadap Pihak Ketiga. Dalam apa-apa pertikaian, masa pembaikan taksiran yang ditentukan oleh **Kami** adalah muktamad.
- manfaat ini hendaklah dibayar untuk kerugian separa (tidak termasuk kecurian atau kerugian menyeluruh) kenderaan yang dilindungi **Anda** boleh membuat lebih dari satu tuntutan di bawah Sijil pengendorsan ini dengan syarat jumlah keseluruhan bilangan hari dalam himpunan yang boleh **Anda** menuntut adalah tidak melebihi perlindungan yang dibayar.

Mana-mana tuntutan yang dibuat dibawah pengendorsan ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan **Anda** tidak bertanggung ke atas mana-mana lebihan yang dinyatakan dalam Sijil. Tiada bayaran balik sumbangan akan dibenarkan atas pembatalan pengendorsan ini kecuali pembatalan tersebut dilaksanakan bersama pembatalan sijil.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

WARANTI NO.1 WARANTI KE ATAS LEBIHAN MUATAN KENDERAAN

Adalah diwarantikan bahawa **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen A Sijil ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Sijil ini, Kenderaan **Anda** membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan **Anda**. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

KEMALANGAN DIRI KOMERSIAL

Sebagai balasan terhadap sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi Endorsement ini, adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa jika **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** mengalami kecederaan anggota badan atau berlaku kematian disebabkan semata-mata atau secara langsung oleh keganasan, kemalangan, luaran dan ketara semasa memandu atau sebagai penumpang, ketika menaiki atau turun dari **Kenderaan** dinamakan dinyatakan di dalam Jadual, pembayaran manfaat akan dibayar seperti di bawah:

- Berhubung dengan mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan yang perlu dibayar di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah berkenaan dengan perlindungan **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan**, ia hendaklah dibayar mengikut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Berkenaan dengan apa-apa manfaat yang perlu dibayar (kecuali manfaat kematian akibat kemalangan) di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah berkenaan dengan perlindungan **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan**, ia hendaklah dibayar kepada **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** berkaitan dengan kemalangan yang sama.
- Apabila berlakunya sesuatu kemalangan yang menimbulkan tuntutan di bawah Manfaat 1 atau 100% daripada Manfaat 2, Sijil ini hendaklah selepas itu terhenti terpakai.
- Kematian atau kehilangan atau hilang upaya mesti berlaku secara bebas daripada apa-apa sebab lain dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan.

- e. Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** berhubung kematian dan hilang upaya kekal kepada **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** dalam mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Manfaat	Jumlah Dilindungi
1. Kematian Akibat Kemalangan	RM50,000
2. Hilang Upaya Kekal	
• Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau penglihatan kedua-dua mata	RM50,000
• Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	RM50,000
• Kehilangan sama ada tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	RM50,000
• Lumpuh (dari bawah leher)	RM50,000
• Kehilangan empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	RM25,000
• Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	RM25,000
• Kehilangan pertuturan	RM25,000
• Kehilangan penglihatan sebelah mata	RM25,000
• Kehilangan semua jari kaki di sebelah kaki	RM25,000
'Kehilangan' yang merujuk kepada tangan atau kaki bermakna kehilangan lengkap melalui atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki dalam masa 180 hari selepas dari tarikh kemalangan dan dengan merujuk kepada mata bermakna kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak dapat dipulihkan.	

Kelayakan

- **Pemandu Dibenarkan** haruslah berumur 17 tahun ke atas, di bawah Akta Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Pengecualian

Takaful ini dikecualikan dari:

- Kehilangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh:
 - jangkitan bakteria (kecuali piogenik, jangkitan yang akan berlaku melalui luka atau luka akibat kemalangan).
 - apa jua jenis penyakit lain/ penyakit dasar.
 - rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali jika perlu semata-mata disebabkan oleh kecederaan yang dilindungi oleh Sijil ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di dalam Sijil).
- Kecederaan tubuh badan yang akan mengakibatkan hernia.
- Untuk membunuh diri atau sebarang percubaan lain (siuman atau tidak siuman).
- Untuk kehilangan disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, pendesak, konspirasi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang bela diri atau keadaan pengepungan, atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang bela diri atau keadaan pengepungan, penyitaan, kuarantin, atau peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa tempatan, atau apa-apa senjata atau instrumen yang menggunakan pembelahan atom atau daya radioaktif, sama ada pada masa keamanan atau peperangan. Pengecualian ini tidak akan terjejas oleh mana-mana Endorsement yang tidak merujuk secara khusus kepadanya, secara keseluruhan atau sebahagian. **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** hendaklah, jika dikehendaki sedemikian, dan sebagai syarat dahulu kepada apa-apa liabiliti **Kami**, membuktikan bahawa kerugian itu tidak timbul di bawah atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas.
- Kehilangan disebabkan ketika **Kenderaan** dinamakan digunakan untuk sewaan, perlumbaan, perhimpunan jalan raya, pembuatan rentak, ujian kelajuan atau penggunaan untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
- Jika **Pemandu Dibenarkan** tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu **Kenderaan** dinamakan tersebut di dalam Jadual. Ini tidak akan terpakai jika **Pemandu Dibenarkan** mempunyai lesen tamat tempoh (mengikut Akta Pengangkutan Jalan) tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu di bawah mana-mana undang-undang yang sedia ada, undang-undang dan peraturan-peraturan Akta Pengangkutan Jalan Malaysia.
- Ketika **Kenderaan** dinamakan digunakan untuk tujuan perniagaan haram sebagai pengangkutan awam yang tidak berlesen.
- Melahirkan anak, keguguran, pengguguran atau kehamilan.
- Ketika **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** berada di bawah pengaruh minuman keras, alkohol atau dadah yang memabukkan.
- Ketika melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- Kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau akibat daripada atau dikaitkan dengan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau apa pun sindrom ini telah diperolehi atau boleh dinamakan.
- Apa-apa keadaan yang sedia ada atau kecacatan fizikal atau ketidaksaahihan, sesuai dengan apa jua bentuk.
- Kehilangan, kerosakan atau liabiliti kepada **Kenderaan** dinamakan atau disebabkan oleh **Kenderaan** dinamakan ketika bantuan kerosakan dan perkhidmatan penundaan.
- Semasa **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** mengambil bahagian dalam pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau demonstrasi.

Syarat-syarat

Jika sebarang tuntutan dibayar di bawah manfaat ini, tiada pengembalian semula perlindungan dibenarkan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

Perbelanjaan perubatan

Pembayaran balik sehingga RM2,000 daripada jumlah yang dilindungi bagi kos sebenar perbelanjaan perubatan yang perlu dan munasabah yang ditanggung oleh **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan** akibat kemalangan dalam skop peluasan ini.

Perbelanjaan Pengebumian

Pembayaran sekaligus RM1,000 daripada jumlah yang dilindungi sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan dalam skop peluasan ini untuk **Pemandu Dibenarkan** dan/atau **Atendan**.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etika General Takaful Berhad
Aras 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etika Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etika.com.my
Laman Web: www.etika.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etika General Takaful Berhad
Aras 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
E-mel: complaint_cmu@etika.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMOS

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etika General Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etika General Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui:

Talian Am: +603 2272 2821
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No syarikat: 200401025885)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS.

FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etika General Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etika General Takaful Berhad atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my.

Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etika General Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Pengendali Takaful boleh mengemukakan pertanyaan, aduan, atau maklum balas kepada BNMLINK.

Butiran perhubungan adalah seperti berikut:

BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Nombor telefon: 1300 88 5465
BNMLINK Portal: bnm.gov.my/BNMLINK